

SOALAN LAZIM
BERKAITAN TUNTUTAN PEMULANGAN WANG CAGARAN

SOALAN 1 : Jika saya **TIDAK** berminat untuk membuat permohonan tuntutan pemulangan wang cagaran ini, adakah apa-apa tindakan akan dikenakan ke atas saya?

JAWAPAN : **TIDAK**. Tiada tindakan ke atas pemilik. Pihak Majlis hanya akan merampas wang cagaran tersebut setelah tamat tempoh yang diberikan.

SOALAN 2 : Apa yang perlu saya lakukan untuk membuat tuntutan pemulangan wang cagaran?

JAWAPAN : Tuan/Puan boleh mendapatkan borang permohonan dan senarai penuh dokumen yang diperlukan di Kaunter Jabatan Bangunan di Tingkat LG, Wisma MBSA atau pautan http://www.mbsa.gov.my/ms-my/mbsa/perkhidmatan/pelanpembangunan/Halaman/pelan_cagaran_pelanbangunan.aspx

Borang tersebut perlu dimuatturun dan dicetak. Tuan/Puan boleh mengemukakan permohonan cagaran tersebut dengan mengisi maklumat di dalam borang tersebut dan mengemukakan kesemua dokumen yang berkaitan cagaran Tuan/Puan ke Kaunter Jabatan Bangunan yang terletak di Tingkat LG, Wisma MBSA.

SOALAN 3 : Apa dokumen yang perlu disertakan?

JAWAPAN : Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. Surat permohonan sama ada dari pemilik rumah/pemaju/perunding/penyewa premis
2. Borang Tuntutan Pemulangan Wang Cagaran yang lengkap diisi
3. Resit asal dan bil asal
4. Salinan Penyata Bank pemohon
5. Salinan SSM (jika nama syarikat – nama sama dengan resit)
6. Salinan Kad Pengenalan (nama sama dengan resit)
7. Salinan Surat Kelulusan Pelan / Permit Meletak Bahan Binaan / Permit Binaan Sementara / Surat Batal/Tolak
8. Salinan Sijil Kelayakan Menduduki (CF) / Perakuan Siap & Pematuhan (CCC – Borang F)
9. Salinan Pelan Lulus Majlis
10. Gambar Bangunan (bewarna) – Hadapan, Belakang, Sisi Kanan & Sisi Kiri

SOALAN 4 : Sekiranya resit asal atau bil asal hilang. Bolehkah cagaran ini dituntut?

JAWAPAN : Boleh. Tuan/Puan boleh memohon untuk mendapatkan salinan resit tersebut di Kaunter Bayaran, Tingkat G, Wisma MBSA. Seterusnya Tuan/Puan perlu mendapatkan pengesahan dari Pesuruhjaya Sumpah

SOALAN 5 : Bagaimana pula sekiranya surat dan pelan lulus sudah tiada dalam simpanan pemohon?

JAWAPAN : Tuan/Puan boleh memohon untuk mendapatkan salinan surat dan pelan lulus tersebut secara bertulis ke Jabatan Bangunan melalui emel bangunan@mbsa.gov.my. Di dalam surat permohonan tersebut perlulah menyatakan perkara seperti berikut untuk tujuan carian fail :

1. Nama pemilik
2. No. Telefon untuk dihubungi
3. No. Kad Pengenalan

4. No. Rujukan Fail

5. Alamat

Caj bagi membuat Salinan Surat Lulus (RM100), pengesahan dokumen (RM100) dan Pelan Lulus (RM200) akan dikenakan ke atas Tuan/Puan. Penetapan harga caj adalah merujuk kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986.

SOALAN 6 : Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak mempunyai Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi kediaman saya?

JAWAPAN : Tuan/Puan perlu menghubungi perunding (Arkitek/Pelukis Pelan) yang telah dilantik semasa membuat permohonan Pelan Bangunan / Tambahan Pindaan untuk mengemukakan CCC ke Majlis terlebih dahulu sebelum permohonan pemulangan wang cagaran ini boleh dikemukakan.

SOALAN 7 : Sekiranya pemilik telah meninggal dunia, bolehkah permohonan Tuntutan Wang Cagaran dibuat?

JAWAPAN : Boleh. Pemilik terkini kediaman tersebut (Isteri/Suami/Ahli Keluarga) boleh membuat permohonan dengan mengemukakan Salinan Sijil Kematian Pemilik asal.

SOALAN 8 : Berapa lama proses pemulangan cagaran ini?

JAWAPAN : Merujuk kepada ISO, proses di Jabatan Bangunan adalah selama 14 hari bekerja. Jabatan akan mengemukakan dokumen yang lengkap diproses dan pengesyoran ke Jabatan Kewangan dalam tempoh 14 hari. Proses pembayaran di Jabatan Kewangan juga akan mengambil masa 14 hari bekerja.

SOALAN 9 : Apakah yang akan menyebabkan Permohonan Tuntutan Pemulangan Wang Cagaran saya ditolak?

JAWAPAN : Ada banyak kriteria penolakan sesuatu permohonan. Antaranya adalah seperti berikut :

1. Dokumen yang dikemukakan tidak lengkap
2. Binaan di tapak **MELENCONG** dari pelan lulus Majlis
3. Unjuran bumbung / gutter melebihi sempadan rumah
4. Dinding yang dibina tidak dilepa & dicat di kedua-dua bahagian (jiran bersebelahan)
5. Bahan binaan tidak dibersihkan di tapak

SOALAN 10 : Adakah saya sebagai anak boleh membuat permohonan bagi pihak ayah/ibu saya?

JAWAPAN : Boleh dengan syarat semua permohonan hendaklah dikemukakan atas nama pemohon seperti di dalam resit dan mengemukakan surat wakil dari pihak pemilik.

SOALAN 11 : Masa yang diberikan tidak mencukupi untuk saya melengkapkan dokumen saya. Adakah saya boleh memohon untuk lanjutan tempoh?

JAWAPAN : Ya. Tuan/Puan boleh mengemukakan permohonan lanjutan tempoh secara bertulis ke Jabatan Bangunan melalui emel bangunan@mbsa.gov.my.

SOALAN 12 : Adakah saya boleh mengemukakan permohonan saya secara online atau emel?

JAWAPAN : Tidak. Permohonan perlu dikemukakan secara 'hardcopy' ke Kaunter Jabatan Bangunan, Tingkat LG, Wisma MBSA kerana terdapat dokumen asal yang perlu dikemukakan bersama.